

28 DEC 1996

Mahathir - Ribut

JANGAN CEPAT MENUDING JARI, USAHA BANTU MANGSA TAUFAN DI SABAH

LANGKAWI, 28 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini meminta masyarakat supaya tidak terlalu ghairah untuk mencari pihak bersalah apabila berlaku sesuatu malapetaka tetapi sebaliknya perlu menumpukan usaha untuk membantu mangsa tragedi tersebut.

"Saya rasa adalah lebih baik kita belajar daripada peristiwa itu daripada kita cepat menyalahkan orang lain," katanya pada persidangan berita di Lapangan terbang Antarabangsa Langkawi sebelum bertolak ke Kuala Lumpur selepas melakukan lawatan tidak rasmi ke Langkawi.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tragedi ribut kencang Greg di kawasan pantai barat Sabah pada 26 Dis lepas adalah peristiwa yang luar biasa yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Kalaupun kita mempunyai kebolehan untuk membuat ramalan tentang cuaca, kerap kali kita tidak dapat membuat ramalan yang tepat terutama tentang keburukannya," katanya ketika tanya sama ada satu sistem amaran awal mengenai bencana alam patut diadakan.

Dr Mahathir berkata bahawa pihak-pihak berkenaan seboleh-bolehnya mmenyalurkan maklumat yang ada secepat mungkin, tetapi tambahnya, "adakalanya walaupun kita tahu air bah (banjir) sedang meningkatkan dengan cepat, masih ada yang enggan berpindah walaupun amaran telah diberikan."

Menurutnya, beliau yakin ada penduduk di kawasan terbabit dengan kejadian ribut di Sabah yang tidak akan berpindah walaupun diberi amaran awal memandangkan kejadian itu luar biasa dan tidak pernah berlaku sebelum ini.

Ketika ditanya sama ada satu kajian perlu dijalankan bagi mengadakan satu sistem baru dalam menghadapi bencana alam, Perdana Menteri berkata perkara itu akan diteliti dan tindakan yang sewajarnya akan diambil, sekiranya perlu.

Beliau menolak tanggapan bahawa Malaysia sebenarnya tidak bersedia untuk menghadapi bencana alam yang serius seperti di Sabah itu.

"Kita sebenarnya bersedia menghadapi bencana. Walaupun kita bersedia, bencana tetap berlaku.

"Di negara yang termaju di dunia pun, contohnya Jepun, yang kita anggap maju dan pandai tetapi mereka tidak dapat menghalang kejadian gempa bumi yang melanda Kobe sehingga sekarang pun mereka menghadapi masalah."

Perdana Menteri berkata sebagai sebuah negara membangun, Malaysia sebenarnya membuat persiapan yang jauh lebih baik daripada negara-negara membangun lain.

Ketika ditanya sama ada beliau berpendapat penduduk yang tinggal di tepi pantai dan sungai perlu dipindahkan ke tempat yang selamat, Dr Mahathir berkata satu kajian perlu dilakukan dalam hal itu.

"Kita selalu sangat menggunakan kawasan tepi sungai kerana kita menganggap sungai sebagai sistem pembuangan sisa. Jadi kita buat bangunan terutamanya untuk orang miskin setinggan.

"Di Perak (Pos Dipang), Orang Asli terbunuh kerana mendirikan rumah di tepi sungai .... kita kena ingat, jangan guna sungai sebagai sistem pembuangan sisa."

Dr Mahathir berkata para pemaju juga tidak harus mendirikan rumah untuk pekerja mereka di tepi sungai tetapi sebaliknya mencari tempat yang lebih selamat di daratan.

Perdana Menteri juga berkata bahawa beliau akan meneliti keadaan sebelum membuat keputusan untuk ke Sabah bagi meninjau keadaan di

kawasan-kawasan yang dilanda ribut itu.

"Hanya dengan membuat lawatan tidak akan mendatangkan apa-apa kesan tetapi yang lebih penting kita menentukan segala yang perlu dibuat untuk membantu, akan dibuat."

Perdana Menteri juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Jepun yang menghulurkan bantuan AS\$100,000 untuk membantu mangsa ribut tropika Greg di Sabah itu.

Mengenai bantuan RM100,000 dari Tabung Bencana Alam, Dr Mahathir berkata jumlah itu akan ditambah jika perlu.

Bagaimanapun beliau berkata bahawa walaupun bantuan kewangan dihulurkan, kerajaan sedar kita tidak mungkin dapat mengganti balik segala kehilangan dalam sesuatu malapetaka. -- BERNAMA

MT MFJ WAT